

Pendekatan *Tazkiyyah Al-Nafs* dalam Pengukuhan Akidah Mualaf

The Approach Of Tazkiyyah Al-Nafs In Strengthening The Faith Of Converts

Suhailiza Md.Hamdani¹, Khairi Mahyuddin², Mashitah Sulaiman³, Nik Suhaida⁴, Dini Farhana Baharudin⁵, Faridh Hafiz Omar⁶ & Nur Kareelawati Abd. Karim⁷

¹²³⁴⁶ Program dakwah dan pengurusan islam, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

⁵ Program kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

⁷ Program komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

Article progress

Received: 23 November 2022

Accepted: 22 September 2023

Published: 30 November 2023

*Corresponding author:

Suhailiza Md. Hamdani,
Program dakwah dan
pengurusan islam, Fakulti
Kepimpinan dan Pengurusan,
Universiti Sains Islam
Malaysia, 71800 Nilai, Negeri
Sembilan, Malaysia;
Email: suhailiza@usim.edu.my

Abstrak: Pendidikan akidah yang komprehensif dapat membantu mengukuhkan kefahaman dan kepatuhan kepada agama Islam. Penghayatan kepada ajaran Islam secara keseluruhannya terhasil melalui keteguhan iman yang merupakan tunjang utama di dalam agama. Pengukuhan akidah melalui pelbagai pendekatan perlu diterap sedari awal kepada setiap muslim apatah lagi kepada mualaf bagi membendung penyelewengan akidah. Dalam pembinaan modul pengajaran akidah mualaf sedia ada, selain daripada mengetengahkan tajuk - tajuk yang bersangkutan paut dengan ketuhanan, kenabian, rukun-rukun Iman yang enam, masih kurang penekanan diberikan kepada elemen tazkiyyah al-nafs atau penyucian jiwa sedangkan ianya adalah sangat penting dalam proses pengukuhan akidah seorang muslim. Oleh itu, kertas kerja ini membincangkan tentang hubungan tazkiyyah al-nafs dan akidah. Selain itu, proses pengukuhan akidah melalui pendekatan tazkiyyah turut menjadi fokus perbincangan. Metodologi kajian adalah secara kepustakaan dengan merujuk kepada bahan-bahan penulisan para ulama' dan cendekiawan Islam yang menekankan kepentingan dan peranan tazkiyyah al-nafs dan akidah. Kajian mendapati bahawa kaedah tazkiyyah al-nafs melalui amalan zikir dan doa yang khusus dan istiqamah sangat penting dan dapat membantu mengukuhkan pegangan akidah setiap muslim. Amalan zikir yang istiqamah akan melahirkan kekuatan spiritual yang menolak perkara-perkara maksiat dan mungkar serta mendorong jiwa sentiasa ke arah kebaikan dan ketaatan kepada Allah SWT. Kaedah pengajaran yang menerapkan elemen tazkiyyah al-nafs amat membantu menguatkan spiritual golongan mualaf supaya terus istiqamah dalam meneruskan ketaatan sebagai seorang muslim.

Kata kunci: Akidah, Spiritual, Tazkiyyah Al-Nafs, Mualaf;

Abstract: Comprehensive religious education can help strengthen understanding and adherence to the Islamic faith. A deep understanding of the teachings of Islam in its entirety is achieved through unwavering faith, which is the mainstay of the religion. The reinforcement of faith through various approaches should be instilled from the early stages in every Muslim, especially for converts, to prevent deviations in belief. In the development of existing modules for teaching the faith to converts, in addition to addressing topics related to divinity, prophethood, the six pillars of faith, there is a need to emphasize the element of tazkiyyah al-nafs, or the purification of the soul, as it is crucial in the process of reinforcing a Muslim's faith. Therefore, this

paper discusses the relationship between tazkiyyah al-nafs and faith. Furthermore, the process of strengthening faith through the tazkiyyah approach is also a focal point of the discussion. The research methodology is based on literature review by referring to the writings of scholars and Islamic intellectuals who emphasize the importance and role of tazkiyyah al-nafs and faith. The study found that the method of tazkiyyah al-nafs through consistent and specific remembrance (zikir) and supplication (doa) is highly significant and can help reinforce the faith of every Muslim. Consistent remembrance (zikir) will generate spiritual strength that repels sinful and wicked acts and encourages the soul to constantly pursue goodness and obedience to Allah SWT. Teaching methods that incorporate the element of tazkiyyah al-nafs greatly help strengthen the spirituality of converts, enabling them to remain steadfast in their obedience as Muslims.

Keywords: Faith, Spritual, Tazkiyyah Al-Nafs, Converts;

Pendahuluan

Akidah merupakan tunjang yang berperanan melahirkan individu yang mempunyai keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT dan seterusnya mampu membentuk jiwa yang tenang dan rohani yang seimbang dengan amalan hidup dan tingkah laku. Ini berikutan sifat dan nilai yang ada dalam akidah Islam itu sendiri menekankan aspek-aspek keimanan, kerohanian, keilmuan, penghayatan dan amalan bagi melahirkan individu yang seimbang emosi, rohani dan akalunya dengan amalan dan tingkah laku fizikalnya (Sabiq, 2003). Keruntuhan nilai akidah dalam diri seseorang bukan sahaja menjadi ancaman kepada kesejahteraan diri dan masyarakat (al-Qaradawi, 2005) malah turut menjadi punca sebenar kepada kelemahan emosi dan spiritual seseorang yang mengakibatkan berlaku perkara-perkara yang tidak diingini seperti kecenderungan membunuh diri serta kemurungan (al-Kindi, 1980).

Kepentingan pengajaran akidah yang komprehensif kepada muallaf sememangnya diambil serius oleh pelbagai pihak, agensi, badan dan organisasi yang bertanggungjawab dengan dakwah dan kebajikan muallaf seperti MACMA, PERKIM, MAIK, YADIM dan lain-lain melalui kursus-kursus dan kelas-kelas pengajian agama Islam. Kefahaman akidah akan melahirkan kefahaman ibadah di mana rohani seseorang muallaf itu sudah lebih kukuh dalam menghayati Islam secara menyeluruh (Siti Fathimatiul Zahrah & A'thiroh Masyaa'il Tan, 2015).

Salah satu cabaran yang dihadapi di dalam pengajaran akidah muallaf adalah kerana masih tidak terdapat satu garis panduan khusus untuk digunakan oleh tenaga pengajar muallaf yang menyebabkan keberkesanan pengajaran modul pengajian Islam pada tahap yang tidak memberangsangkan (Mohd. Zaid Mohd Zain & Ahmad

Asmadi Sakat, 2010). Para muallaf sukar memahami subjek akidah kerana ia berkaitan keyakinan seseorang Muslim terhadap Allah SWT dan keyakinan mempercayai perkara ghaib. Tambahan lagi, modul akidah yang diberi di dalam kursus sangat padat dan sukar menyebabkan para muallaf tidak dapat memahami kandungan secara keseluruhan (Mariam et al., 2015). Selain itu, cara pengajaran yang bersifat konvensional menyebabkan golongan muallaf tidak mampu memahami secara mendalam konsep akidah Islam (Adi Syahid Mohd. Ali, 2013). Kesan daripada itu, tahap pengetahuan serta kefahaman yang rendah akibat daripada modul pembelajaran yang tidak berkesan boleh menjejaskan akidah golongan muallaf (Faizal Arif Tajul Arifin, 2013). Kajian yang dijalankan oleh Shahrudin, Marlon dan Amat Misra (2018) menjelaskan tahap kefahaman akidah dalam kalangan muallaf berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan keperluan bagi kajian lanjutan mengenai modul pengajian akidah muallaf dan keberkesanannya. Dalam pembinaan modul pengajaran akidah muallaf sedia ada, selain daripada mengetengahkan tajuk-tajuk yang bersangkutan-paut dengan ketuhanan, kenabian, rukun Iman yang enam, masih kurang penekanan diberikan kepada elemen *tazkiyyah al-nafs* sedangkan ianya adalah sangat penting dalam pengukuhan akidah seorang muslim. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis hubungan *tazkiyyah al-nafs* dan akidah serta peranan *tazkiyyah al-nafs* dalam pengukuhan akidah seorang muslim.

Hubungan antara Akidah dan *Tazkiyyah al-Nafs*

Para ulama' menghuraikan beberapa pengertian *tazkiyyah al-nafs* serta hubungannya dengan akidah. *Tazkiyyah* daripada akar kata *zakka* bermaksud yang tumbuh, subur, suci dan tidak berdosa. (Ahmad, 1997). *Tazkiyyah al-nafs* juga bermaksud penyucian jiwa dan

penyucian diri (al-Ghazali,2007) dan ia merangkumi perkembangan mental (Said Hawwa, 2002).

Muhammad Abduh mendefinisikan *tazkiyyah al-nafs* (penyucian jiwa) dengan *tarbiyah al-nafs* (pendidikan jiwa) yang kesempurnaannya dapat dicapai dengan *tazkiyyah al-aqli*, iaitu penyucian dan perkembangan akal daripada akidah yang sesat dan akhlak yang mungkar. Manakala *tazkiyyah al-aqli* yang sempurna juga boleh dicapai dengan tauhid yang murni. Menurut Sayyid Qutub dalam *Tafsir fi Zilal al-Quran*, *tazkiyyah al-nafs* ialah menyucikan jiwa dan perasaan, menyucikan amal dan pandangan hidup, menyucikan hidup daripada hawa nafsu dan menyucikan hidup daripada segala perkara yang mengotori kehidupan bermasyarakat (Sayyid Qutb, 1967).

Manakala *tazkiyyah al-nafs* yang dikemukakan oleh Syaikh Mutawalli asy-Sya'rawi ialah menjaga diri atau jiwa kita daripada kekotoran yang akan menjadikan jiwa kita kotor, baik dari kekotoran kecil mahupun besar seperti menyekutukan Allah, mengingkari kebenaran yang dibawa oleh para rasul. dan sesama manusia yang lain, atau mempunyai dalam jiwanya sifat benci, dendam, bongkak, bongkak, dan lain-lain. Sikap seperti inilah yang perlu dibersihkan daripada jiwa kita kerana jika tidak, sikap seperti ini akan mengotorkan jiwa kita (Mutawalli, 2015). Seorang mukmin hendaklah mensucikan jiwanya secara zahir dan batin, serta menjauhi tingkah laku yang boleh mengakibatkan kekotoran jiwa. Menurut Shaikh Mutawalli al-Sya'rawi, kekotoran seperti itu apabila disimpan dalam jiwa manusia inilah yang akan mengakibatkan terbukanya segala pintu kejahatan (Mutawalli, 2015). Secara ringkas daripada pandangan para ulama', *tazkiyyah al-nafs* ialah menyucikan jiwa dan hati daripada segala bentuk syirik atau mempersekutukan sesuatu dengan Allah SWT dan memperkukuh lagi aspek tauhid dan keimanan kepada Allah SWT.

Bertepatan dengan peranan *tazkiyyah al-nafs* untuk mengajak manusia menyucikan jiwa dan hati daripada segala bentuk tingkah laku yang menjadi cabang syirik atau mempersekutukan sesuatu dengan Allah SWT, pendekatan *tazkiyyah al-nafs* menjadikan manusia makhluk Allah yang berakhlak melalui amalan zikir-zikir yang disarankan oleh Rasulullah SAW.

Al-Quran memberi panduan kepada manusia satu konsep *tasawwur* (penghayatan Islam) yang penting dalam Akidah Islam iaitu amalan berzikir mengingati Allah SWT. Zikir menjadi wasilah atau jalan yang mampu menyampaikan seseorang kepada mengenali Allah SWT bagi mencapai kesempurnaan akidah. Ternyata al-Quran menuntut umat Islam memfokuskan *tasawwur* atau penghayatannya kepada satu hakikat - bahawa berzikir kepada Allah SWT sebagai tonggak utama dalam akidah (beriman dengan) al-Quran. Amalan rohani Islam ini

mempunyai tahap hubungan yang tinggi dan erat dengan Allah SWT yang begitu hampir dengan hamba-hambanya. Pandangan berkenaan dikukuhkan lagi dengan firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ ۗ يَعْلَمُ مَا يَلْجِ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٤١﴾

Maksudnya: “Dia lah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam enam masa ,kemudian Ia bersemayam di atas Arasy; Ia mengetahui apa yang masuk ke bumi serta apa yang keluar daripadanya; dan apa yang diturunkan dari langit serta apa yang naik padanya .Dan Ia tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada ,dan Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan.” (Al-Quran. Surah al-Hadid, 57: 4)

FirmanNya lagi:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَانَ وَتَعَلَّمْ مَا تَوْسَّوِسُ بِهِ نَفْسُهُ ۗ وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ ﴿١٧﴾

Maksudnya: “Dan Kami lebih dekat kepadanya dari urat lehernya (sendiri).” (Al-Quran. Surah Qaf, 26:16)

Secara jelas, al-Quran telah menetapkan bentuk *tasawwur* (penghayatan) akidah yang terkandung di dalamnya terdapat pengertian proses menyebut dan mengingati Allah SWT yang begitu luas lagi memberi kesan kepada fitrah manusia yang dapat membersihkan jiwa pelakunya daripada pelbagai sifat kecelaan dan menghiasinya dengan pelbagai sifat mulia.

Seorang mukmin hendaklah mensucikan jiwanya secara zahir dan batin, serta menjauhi tingkah laku yang boleh mengakibatkan kekotoran jiwa. Menurut Shaikh Mutawalli al-Sya'rawi, kekotoran seperti itu apabila disimpan dalam jiwa manusia inilah yang akan mengakibatkan terbukanya segala pintu kejahatan (Mutawalli, 2015).

Tazkiyyah al-nafs sebagaimana yang dikemukakan oleh Syaikh Mutawalli al-Sya'rawi (2015) adalah suatu usaha atau sikap menjauhi segala penyakit yang akan mengotori hati dengan kefasikan. Sayyid Qutb (2008) berpendapat bahawa orang yang menyucikan jiwanya dengan ibadah dan tunduk kepada segala perintah Allah SWT agar hatinya sentiasa dekat kepada Allah SWT akan merasakan kemanisan berzikir dan merasa tenang dengan semua perkara tersebut sehingga mendapat kebaikan di akhirat.

Dalam al-Quran, ayat-ayat berkaitan *Tazkiyyah al-nafs* yang menggunakan kata dasar *zaka* (bersih atau suci) didapati sebanyak 45 ayat, antaranya seperti firman Allah SWT yang bermaksud: “*Berjyalah orang yang menyucikan jiwanya, dan rugilah orang yang mengotorinya*” (Al-Qur’an. Surah al-Shams, 91: 9-10). Dua perkara penting yang dapat kita temui daripada ayat di atas iaitu tentang orang yang beruntung dan orang yang rugi. *Tazkiyyah al-nafs* adalah langkah atau usaha untuk mendapatkan keberuntungan tersebut dan menghindari kehidupan yang tersesat. Orang yang berakhlak baik terhadap dirinya ialah apabila dia dapat membersihkan jiwanya daripada kekotoran. Maksud membersihkan kotoran di sini bukanlah maksud zahir tetapi ia bermakna segala yang akan mencemarkan akidah dan keimanan yang ada pada seorang muslim.

Proses penyucian jiwa ini sangat penting bagi menghindarkan perbuatan maksiat zahir (*ẓāhir*) dan batin (*bāṭin*). Dosa zahir ialah perbuatan keji yang pada asasnya berpunca daripada tujuh anggota badan yang wujud dalam tubuh atau fizikal manusia iaitu mata, telinga, lidah, perut, kemaluan, tangan dan kaki (al-Falimbani, 1993). Manakala hal yang berkaitan dengan dosa-dosa dalaman adalah penyakit yang ada dalam hati seseorang yang harus dikenal pasti dan dijauhkan bagi mereka yang ingin membersihkan jiwanya kerana dosa-dosa dalaman lebih bahaya daripada penyakit fizikal.

Pengukuhan Akidah Melalui *Tazkiyyah al-nafs*

Setiap muslim mualaf disarankan melalui proses *tazkiyyah al-nafs* atau langkah penyucian jiwa untuk mengukuhkan pegangan akidah. Beberapa kaedah *tazkiyyah al-nafs* atau penyucian jiwa yang berperanan utama dalam pengukuhan akidah adalah seperti berikut:

- 1) Setiap muslim harus melalui tingkatan kerohanian untuk mendekati diri kepada Allah SWT iaitu (1) bertaubat (*taubah*) dari segala maksiat batin, (2) menghadirkan perasaan takut kepada Allah SWT (*khawf*), (3) benci kepada dunia dan tidak suka harta dan seumpamanya, mengharapkan hanya apa yang diperlukan (*zuhd*), (4) sabar terhadap musibah dan kesusahan (*ṣabr*), (5) bersyukur kepada Allah SWT atas segala nikmat (*syukr*), (6) berbuat baik sematamata kerana Allah SWT dan bukan kerana daripada perkara lain (*ikhlaṣ*), (7) teguhkan hatinya kepada Allah SWT, serahkan segala amal dan urusan mereka kepada Allah SWT (*tawakkal*), (8) cinta kepada Allah dan diwajibkan ke atas mereka untuk mencintai semua malaikat, nabi, ibu bapa mereka dan seluruh umat Islam (*maḥabbat Allah*), (9) redha dengan takdir dan ketetapan (*qadā' wa qadr*) Allah SWT yang juga

bererti redha dengan perbuatan Allah SWT (*riḍā*), dan (10) memikirkan kematian pada setiap masa.

- 2) Seorang muslim mualaf juga disarankan melaksanakan penyucian jiwa (*tazkiyyat al-nafs*) melalui kesungguhan (*mujāhadah*) dan latihan (*riyāḍah*) iaitu dengan amalan zikir. Perintah berzikir secara berterusan dapat dilihat dari beberapa ayat al-Qur’an. Allah SWT menyebut di dalam al-Qur’an:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا
وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Berzikirlah (dengan menyebut nama) Allah dengan zikir yang banyak. Dan bertasbihlah kepada-Nya pagi dan petang”. (Al-Qur’an. Surah al-Ahzāb, 33: 41-42)

Allah SWT juga berfirman:

فَإِذَا فَضَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَادْكُرُوا اللَّهَ قِيَمًا وَرُغُودًا وَعَلَىٰ جُوبِئِكُمْ فَإِذَا أَطْمَأْنَنْتُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا

Maksudnya: “Apabila kamu telah menyelesaikan solat, ingatlah kepada Allah sama ada kamu berdiri, duduk, dan dalam keadaan berbaring.” (Al-Qur’an. Surah al-Nisā’, 4: 103).

Abdullah bin Abbas menafsirkan ayat tersebut dengan memperbanyakkan berzikir pada waktu malam dan siang, di darat dan di laut, semasa dalam perjalanan dan tidak bergerak, dalam kemiskinan dan berharta, semasa sakit dan sihat, secara sembunyi-sembunyi dan secara terbuka (al-Falimbani, 1993). Para ulama’ juga telah menyusun zikir-zikir khas yang dibaca pada waktu pagi dan petang seperti yang terkandung di dalam al-Ma’thurat. Al-Ma’thurat merupakan satu himpunan zikir dan wirid yang oleh Rasulullah SAW. Zikir dan wirid tersebut diajarkan oleh Baginda SAW kepada sahabat-sahabatnya, kemudian kepada *tabi’in*, *tabi’ at-tabi’in* dan *as-salaf as-salih*. Bacaan Mathurat yang boleh dijadikan panduan untuk diamalkan adalah susunan oleh al-Syahid Imam Hassan al-Banna berdasarkan dalil-dalil yang sah.

Selain al-Qur’an, Hadith Rasulullah SAW juga menjelaskan tentang keutamaan zikir kepada Allah SWT dalam proses penyucian diri (*tazkiyyat al-nafs*). Dalam hal ini, Rasulullah SAW bersabda:

لِكُلِّ شَيْءٍ صِفَالَةٌ وَصِفَالَةُ الْقُلُوبِ ذِكْرُ اللَّهِ وَمَا مِنْ شَيْءٍ أَنْجَىٰ مِنْ عَذَابِ اللَّهِ مِنْ ذِكْرِ اللَّهِ

Maksudnya: “Setiap sesuatu mempunyai pengilap, dan pengilap hati ialah mengingati Allah. Tiada yang

lebih dikira untuk menyelamatkan dari azab Allah selain mengingati Allah". (HR Baihaqi: 2286)

3) Berdoa kepada Allah SWT agar dikurniakan kesungguhan dan ketetapan hati untuk melazimi zikir sebagaimana berikut:

اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

Maksudnya : "Ya Allah bantulah aku untuk selalu berzikir kepadamu dan selalu memperbaiki ibadah kepadamu". (HR Abu Daud: 7982)

Setiap muslim perlu sentiasa berdoa supaya *istiqomah* mengamalkan zikir dan meyakini *fadhilatnya* sebagaimana yang telah disusun oleh para ulama' serta memastikan amalan zikir tersebut adalah daripada sumber yang jelas.

4) Zikir-zikir harian yang menjadi keutamaan setiap muslim adalah *tahlil*, *takbir*, *tasbih*, *tahmid* dan *istighfar*. Antara hadis Rasulullah SAW yang menjelaskan keutamaan zikir *tahlil*, *takbir*, *tasbih* dan *Tahmid* adalah:

Daripada Abu Dzar berkata, beliau bertanya kepada Nabi Muhammad SAW:

أَلَا أُخْبِرُكَ بِأَحَبِّ الْكَلَامِ إِلَى اللَّهِ؟ قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَخْبِرْنِي بِأَحَبِّ الْكَلَامِ إِلَى اللَّهِ، فَقَالَ: إِنَّ أَحَبَّ الْكَلَامِ إِلَى اللَّهِ: سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ.

Maksudnya: "Sukahkah Engkau (wahai Muhammad) untuk memberitahu ucapan apakah yang paling disukai Allah SWT? Lalu Baginda menjawab: "Subhanallahi wabihamdih" (Maha suci Allah dan segala pujian bagi-Nya). (HR Muslim: 2731)

Daripada Abu Dzar, Nabi SAW beliau bersabda:

يُصْبِحُ عَلَى كُلِّ سَلَامٍ مِنْ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ، فَكُلُّ تَسْبِيحَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَحْمِيدَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَهْلِيلَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَكْبِيرَةٍ صَدَقَةٌ، وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ صَدَقَةٌ، وَنَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَرِ صَدَقَةٌ، وَيُجْزَى مِنْ ذَلِكَ رَكْعَتَانِ يَرْكَعُهُمَا مِنَ الضُّحَى

Maksudnya: "Setiap pagi, setiap sendi dalam tubuh manusia wajib bersedekah. Setiap tasbih (pengagungan Allah) adalah sedekah, setiap tahmid (pengucapan puji-pujian kepada Allah) adalah sedekah, setiap tahlil (pengucapan La ilaha illallah- Tiada Tuhan selain Allah) adalah sedekah, setiap takbir (pengucapan Allahu Akbar - Allah Maha Besar) adalah sedekah, menyuruh yang ma'ruf (perbuatan baik) adalah sedekah, mencegah kemungkaran adalah sedekah, dan dua rakaat solat Dhuha (solat sunat pagi) mencukupi untuk itu semua." (HR Muslim: 720)

Daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW menerangkan keutamaan *tasbih*, *tahlil*, *tahmid* dan *takbir*:

من قال حين يأوي إلى فراشه : (لا إله إلا الله وحده لا شريك له ، له الملك ، وله الحمد ، وهو على كل شيء قدير ، لا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم ، سبحان الله ، والحمد لله ، ولا إله إلا الله ، والله أكبر) ؛ عُفِرَتْ لَهُ ذُنُوبُهُ وَلَوْ كَانَتْ مِثْلَ رَيْدِ الْبَحْرِ

Maksud: "Barangsiapa yang ketika hendak tidur, mengucapkan: "Tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya kerajaan, bagi-Nya segala pujian, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. Tiada daya dan tiada kekuatan kecuali dengan pertolongan Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung. Maha Suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah, dan Allah Maha Besar," maka dosa-dosanya akan diampuni, walaupun dosanya sebesar buih di lautan." (HR Ibn Hibban: 5528)

Daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW menjelaskan keutamaan *istighfar*:

وَاللَّهِ إِنِّي لَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ فِي الْيَوْمِ أَكْثَرَ مِنْ سَبْعِينَ مَرَّةً

Maksudnya: "Demi Allah, sesungguhnya aku memohon ampun kepada Allah dan bertaubat kepada-Nya lebih dari tujuh puluh kali dalam sehari." (HR Bukhari: 6307)

5) Amalan zikir berperanan sebagai terapi untuk memperbaharui iman dan menyembuhkan penyakit hati seperti jahil, bakhil, tamak, sombong, asyik bercakap sia-sia, melakukan perkara yang tidak bermanfaat, pamarah, makan berlebihan, dengki, lalai, mencederakan orang lain, berkelakuan buruk, dan ciri-ciri negatif lain. Selain itu, menurut Sa'id Hawwa (1998), salah satu faktor penyakit rohani ialah syirik atau mempersekutukan Allah SWT dengan yang lain. Oleh itu, zikir adalah alat pembersih jiwa yang perlu dilakukan secara berterusan supaya kotoran berkurangan secara beransur-ansur sehingga akhirnya bersih.

Penjelasan dari petikan ayat al-Quran dan Hadith serta para ulama' tentang amalan zikir-zikir ini merupakan elemen *tazkiyyah al-nafs* yang mampu mengukuhkan kefahaman akidah. Ini dibuktikan melalui saranan para ulama' yang menyarankan kepada mereka yang ingin mengatasi *nafs al-ammārah* supaya sentiasa mengamalkan zikir 'lā ilāha illā Allah' dalam setiap keadaan sama ada duduk, berdiri bahkan ketika berbaring. Oleh itu, setiap muslim mualaf yang berada dalam tahap lemah iman disarankan untuk sentiasa berzikir 'lā ilāha illā Allah' untuk menguatkan iman mereka seperti yang pernah disabdakan oleh Rasulullah SAW:

جِدِّدُوا إِيمَانَكُمْ ، قِيلَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ وَكَيْفَ نُجَدِّدُ إِيمَانَنَا ؟ قَالَ : أَكْثَرُوا مِنْ قَوْلِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya: “Perbaharui imanmu.” Mereka berkata, “Wahai Rasulullah, bagaimana kami dapat memperbaharui iman kami?” Nabi bersabda, “Perbanyakkan berkata tiada Tuhan selain Allah.” (HR Ahmad: 8695)

- 6) Seorang muslim muallaf juga perlu sentiasa berdoa kepada Allah SWT agar dikuatkan keimanan mereka seperti yang diajar oleh Rasulullah SAW:

اللَّهُمَّ آتْ نَفْسِي تَقْوَاهَا وَزَكِّهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّاهَا أَنْتَ وَلِيِّهَا وَمَوْلَاهَا

Maksudnya: “Ya Allah, berikanlah ketakwaan kepada jiwaku, sucikanlah ia, sesungguhnya Engkaulah sebaik-baik zat yang dapat mensucikannya, Engkaulah yang menguasai dan yang menjaganya.” (HR Muslim: 2722)

Kesungguhan mengamalkan zikir-zikir yang disarankan oleh para ulama’ adalah proses untuk menyucikan jiwa supaya mudah menerima, memahami, menghayati dan mengukuhkan akidah. Hanya jiwa yang bersih dan sentiasa dibajai dengan zikir-zikir yang membawa manusia untuk mengingati Allah SWT dapat kekal konsisten menghadamkan ilmu akidah dengan sepenuhnya.

Kesimpulan

Peranan *tazkiyyah al-nafs* dalam kehidupan seorang muslim amat penting dan perlu dijalani dengan istiqamah melalui latihan dan amalan zikir harian terutama dalam usaha mengukuhkan keimanan kepada Allah SWT. Jelas di dalam al-Quran dan Hadith tentang kepentingan berzikir atau mengingati Allah SWT dalam apa jua keadaan. Amalan zikir yang *istiqamah* akan melahirkan kekuatan spiritual yang menolak perkara-perkara maksiat dan mungkar serta mendorong jiwa sentiasa ke arah kebaikan dan ketaatan kepada Allah SWT. Bagi tujuan pengukuhan akidah muallaf, kaedah pengajaran yang menerapkan elemen *tazkiyyah al-nafs* amat bermanfaat dan membantu menguatkan spiritual golongan muallaf supaya terus *istiqamah* dalam meneruskan ketaatan dan ibadah sebagai seorang muslim.

Penghargaan

Artikel ini adalah berdasarkan kepada kajian di bawah Skim Geran Penyelidikan USIM PPP/FPK/0121/USIM/13021, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi atas semua bantuan dalam menyiapkan kajian ini.

Rujukan

Al-Falimbani, A. S. (1993). *Siyar al-Sālikīn ilā ‘Ibādat Rabb al-‘Ālamīn*. Dār al-Misriyyah al-Lubnāniyyah.

Al-Falimbani, A. S. (n.d.). *Hidāyat al-Sālikīn fī Sulūk Maslak al-Muttaqīn*. Syarikah Maktabah al-Madaniyyah.

Al-Marbawiyy, A. R. Muhammad Idris. (1990). *Qāmūs Idrīs al-Marbawiyy: ‘Arabiyy-Malayuwiyy*. Dār al-Fikr.

Al-Ghazali.(2007). *Ringkasan Ihya’ Ulumuddin*. Dar Al-Salam.

Abu Bakar, S. A., & Ismail, S. Z. (2018). Pengurusan Muallaf Di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan Dan Bukan Kerajaan. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 16 (special edition), 133-156.

Al-Sha’rawi, Muhammad Mutawalli (1991). *Tafsir al-Sha’rawi*. Matbaah Akhbar al-Yaum.

As' ari, A. A. (2021). *Konsep Tazkiyyah Al-Nafs Dalam Al-Qur’an: Studi Komparatif Tafsir Alsyar’awi Dan Tafsir Fi Zilali Al-Quran Surah Al-Shams Ayat 9-10*. [Doctoral dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya].

Dwi Putra. (2020). *Tazkiyyatun Nafs Menurut Sa’id Hawwa dalam Tafsir al-Asās fī al-Tafsīr*. [Diploma Thesis, Universiti Islam Negeri Sunan Gunung Djati, Bandung].

Che Zarrina Sa’ari & Sharifah Fatimah Syed Omar. (2014). Implementasi Tasawuf dalam Penghayatan Rukun Islam dan Pengaruhnya kepada Penyucian Jiwa (*Tazkiyyah Al-Nafs*) Menurut Sa’id Hawwa. *MANU*, 20, 165-185.

Fakhruddin, A., & Awang, A. (2020). Literature Review On The Challenges Of Islamic Education Among Converts’ Children In Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 444-455.

JAKIM (1995). *Terjemah Sahih Al-Bukhari*. Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. K.L

Kasim, A. Y., Hamid, S. A., & Jemali, M. (2017). Pengajaran Akidah dalam Kalangan Muallaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 9(3), 89-100.

Abd Rahman, K. A., Hussin, M. N., & Wazir, R. (2020). Keberkesanan Pengajian Akidah Bagi Muallaf:

Analisis Keperluan. *International Seminar on Mualaf*. April, 1–12.

Almausu'ah al-hadithiah. <https://dorar.net/hadith>. [diakses: Ogos 7 2023]

Mohamad, N., Majid, M. A., & Nasir, B. M. (2018). Pendekatan Dakwah dalam Kaedah Pengajaran Kepada Mualaf. *Wardah*, 19(1), 1-17.

Priyatna, M. (2017). Konsep Pendidikan Jiwa (Nafs) Menurut Al Qur'an Dan Hadits. *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam*, 3(5), 520-532.

Putri, M. A. (2020). *Tazkiyatun Nafs (Penyucian Jiwa) Melalui Ibadah Shalat Fardhu Dan Implikasinya Terhadap Pendidikan Akhlak (Telaah Pemikiran Imam Al-Ghazali*. [Doctoral dissertation, UIN Raden Intan Lampung].

Rahman, A. A. (2015). *Konsep Penyucian Jiwa: Kajian Perbandingan Antara Islam Dan Buddhisme* [Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia].

Safarwan, Z. A. (2002). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Utusan Publications & Distributors.

Sayyid Hawa. (2022). *Kajian Lengkap Penyucian Jiwa Tazkiyyah An-Nafs: Intisari Ihya Ulumuddin*. Hidayah House Of Publishers.

Salleh, S. F., Nordin, N., Ismail, S. K., & Mohamad Yusoff, S. H. (2018). *Cabaran dan Implikasi Pengurusan Dokumentasi Sudara Baru*. Prosiding Seminar Antarabangsa Al-Quran Dalam Masyarakat Kontemporari. September, ms 422-431.

Shaharuddin, S. A., Shaharuddin, H. N., Marlon, M. Y., & Amat Misra, M. K. (2018). Tahap Kefahaman Akidah dalam Kalangan Mualaf di Negeri Selangor. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 5(1), 82–91.

YADIM (1986). *Terjemahan Sahih Al Bukhari*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, K.L.

Yahya, N. A., & Sham, F. M. (2020). Pendekatan Tazkiyyah Al-Nafs Dalam Menangani Masalah Kemurungan. *Al-Hikmah*, 12(1), 3-18.

JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), 2023. *e-Hadith*. (Online) <https://www.islam.gov.my/ms/quran-hadith/portal-myhadith> [diakses: Sept 21 2023].

Zikir dan Doa dalam Tuntunan Al-Quran dan Al-Sunnah. https://www.researchgate.net/publication/357989475_Zikir_dan_Doa_dalam_Tuntunan_Al-Kitab_dan_Al-Sunnah [diakses: Sep 21 2023].